

Kebergantungan import, monopoli industri jejas kedaulatan makanan

Oleh Prof Datuk Dr Mad Nasir Shamsudin
bhrencana@bh.com.my

Kedatangan Bulan Kebangsaan sepatutnya mengajar kepentingan mempertahankan kemerdekaan dari semua aspek. Bagaimanapun selepas 65 tahun merdeka, Nisbah Ketergantungan Import (IDR) menunjukkan negara masih memerlukan import bahan makanan.

IDR semakin tinggi menggambarkan banyak bekalan makanan perlu diimport, malah kebergantungan Malaysia terus meningkat kepada 13.7 peratus daripada 7.3 peratus dalam 28 tahun, bermula 1987 hingga 2015.

Pada 2020, Malaysia mengimport RM55.5 bilion produk makanan berbanding RM33.8 bilion eksport. Ini membawa peningkatan defisit perdagangan produk makanan berjumlah RM21.7 bilion meningkat 24.9 peratus berbanding tahun sebelumnya. Wajar diperhatikan import makanan terkumpul ialah RM482.8 bilion untuk 10 tahun lalu, manakala eksport berjumlah RM296 bilion.

Senario bekalan makanan menjadi antara faktor kenaikan inflasi mendadak baru-baru ini hingga melepasi purata inflasi negara bagi tempoh 2011 hingga Mac 2022 pada tahap 1.9 peratus. Harga komoditi global tinggi menjadi faktor utama mendorong harga makanan, ditambah dolar Amerika Syarikat (AS) lebih kukuh.

Perlu diakui, beberapa faktor menyebabkan subsektor makanan ketinggalan merangkumi pelaburan rendah dalam penyelidikan pertanian, ladang berskala kecil dengan tahap teknologi rendah, usahawanan dan sumber semakin berkurangan.

Selain itu, faktor penting peningkatan defisit perdagangan adalah pulangan relatif lebih lumayan daripada pengeluaran komoditi, terutama sawit berbanding pengeluaran makanan dan peningkatan dalam pendapatan per kapita mengubah corak permintaan makanan. Sekiranya insentif diberi kepada pelaburan dalam pengeluaran makanan setanding tanaman komoditi, defisit perdagangan dapat ditambah baik.

Walaupun IDR negara tinggi untuk makanan asas, dari segi ranking dalam Indeks Sekuriti Makanan Global tidak begitu rendah, iaitu 39 daripada 113 negara pada 2021. Indeks ini mengambil kira

komponen sekuriti makanan termasuk mampu beli, ketersediaan, kualiti dan keselamatan serta sumber asli dan daya tahan.

Bagaimanapun apa dibimbangi adalah ketidakpastian kestabilan bekalan makanan kerana IDR tinggi, import bersih semakin meningkat dan corak permintaan makanan sentiasa berubah.

Memandangkan sektor makanan rapuh dari segi kestabilan bekalan yang terdedah dengan pergolakan ekonomi dan geopolitik, negara perlu meningkatkan sekuriti dengan menekankan pengeluaran dan pengedaran bekalan makanan.

Kawal mekanisme, dasar pengeluaran

Berbeza dengan sekuriti makanan tidak membezakan dari mana makanan berasal atau keadaan makanan dihasilkan serta diedarkan, 'kedaulatan makanan' menekankan komuniti mengeluarkan, mengedar dan menggunakan makanan.

Kedaulatan makanan juga mengawal mekanisme dan dasar pengeluaran serta pengedaran makanan, berbeza dengan rejim bekalan makanan sekarang yang syarikat dan institusi pasaran mengawal sistem makanan global.

Pengalaman kita dengan bekalan ayam baru-baru ini menunjukkan rapuhnya industri ini, walaupun Kadar Sara Diri (SSL) bagi ayam mencapai 114 peratus kerana bekalan itu bergantung kepada

bijiran perlu diimport dan struktur pasaran tidak kompetitif. Kajian menunjukkan nisbah kepekatan empat pengeluar ayam utama mempunyai syer pasaran 61.9 peratus dan Indeks Herfindahl-Hitschman adalah 2,179. Ini menggambarkan industri ayam dikuasai beberapa syarikat sahaja dengan berstruktur pasaran berbentuk oligopolistik.

Senario itu mempamerkan, walaupun tiada isu dari segi sekuriti makanan bekalan ayam, ia masih rapuh kerana dikuasai beberapa syarikat pengimport jagung dan pengeluaran ayam.

Sempena Bulan Kebangsaan ini, negara perlu menekankan kedaulatan makanan supaya kejadian baru-baru ini tidak berulang. Pendekatan kedaulatan makanan tidak mengurangkan fungsi sekuriti makanan, tetapi menambahkan satu lagi elemen dengan memberi fokus kepada pengeluaran domestik kompetitif serta adil dan mampan.

Kedaulatan makanan dapat dicapai antaranya dengan melaksana dasar guna tanah untuk meningkatkan pengeluaran makanan menerusi penyisihan kawasan tanah pertanian khusus untuk penghasilan makanan dan sumber pemakanan lain.

Bagi tujuan ini, insentif kepada kerajaan negeri daripada Kerajaan Persekutuan untuk pemuliharaan kawasan sumber makanan negara perlu dipertimbang bagi memastikan kemampuan pemeliharaan dan pengekalan kawasan pengeluaran makanan.

Pada asasnya fungsi bidang pertanian adalah sebagai pembekal makanan, pekerjaan dan pendapatan. Bagaimanapun, fungsi itu berubah dalam konteks perubahan iklim, kemusnahan alam sekitar, kekurangan sumber dan keprihatinan sejagat terhadap sekuriti makanan. Tema baharu pertanian melampaui fungsi dasar, sebaliknya untuk meningkatkan pemuliharaan sumber, persekitaran dan mengurangkan kadar kemiskinan.

Justeru, sektor pertanian perlu dinilai bukan sahaja dari segi pembekal makanan, bahkan pelbagai fungsi, terutama perkhidmatan alam sekitar. Oleh itu, pembayaran insentif pengeluaran makanan perlu mempertimbang nilai perkhidmatan diberikan ekosistem.

Oleh itu, kerajaan perlu memantau dan memastikan bekalan makanan negara kompetitif dengan struktur pasaran tidak didominasi beberapa syarikat sahaja, sekali gus memastikan kelancaran operasi logistik rangkaian bekalan makanan.



Profesor di Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM)

“ Pendekatan kedaulatan makanan tidak mengurangkan fungsi sekuriti makanan, tetapi menambahkan satu lagi elemen dengan memberi fokus kepada pengeluaran domestik kompetitif serta adil dan mampan ”